



13 APR, 2026

Perkukuh campuran tenaga depan cabaran cuaca ekstrem

Sinar Harian, Malaysia



Perkukuh campuran tenaga depan cabaran cuaca ekstrem

LUBOK ANTU - Kerajaan akan mempergiat usaha memperkukuh campuran tenaga negara bagi memastikan keterjaminan bekalan elektrik dalam berdepan cabaran perubahan cuaca ekstrem yang kini mula memberi kesan kepada sumber sedia ada.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, langkah itu penting bagi mengurangkan kebergantungan kepada satu sumber tenaga sahaja, terutamanya hidroelektrik yang kapasiti penjanaannya amat bergantung kepada faktor taburan hujan.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, fenomena cuaca tidak menentu boleh menyebabkan paras air di empangan menyusut, sekali gus berisiko menjejaskan kestabilan bekalan tenaga jika tiada sumber alternatif kukuh.

"Kita tidak boleh bergantung dengan satu sumber sahaja sama ada air atau gas, sebaliknya kita kena kembangkan lagi sektor lain seperti biofuel, biomass serta tenaga suria dan angin.

"Cabaran pada masa akan datang ialah perubahan cuaca ekstrem. Misalnya hari ini kita melihat tasik di sini (Batang Ai) agak kurang air disebabkan sudah lama tidak hujan dan ini mungkin boleh menjejaskan bekalan daripada hidro kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melawat projek solar terapung hibrid di Empangan Hidroelektrik Batang Ai sempena program Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) Skwad Zon Sarawak 2026 di sini pada Ahad. - *Bernama*